



Rosie  
MENULIS

# KISAH SI KUDUP DAN PEMBANCUH KOPI SI PENCURI HATI

Oleh: Rosie Haslinda Nasir

SAYA tidak tahu apa itu cinta hinggalah saya berusia 12 tahun. Dia setahun lebih muda. Kulitnya putih melepak, matanya sepet kecinaan, rambutnya hitam berkilat sedang molek, bibirnya manis merah jambu, orangnya pemalu dan saya selalu terharap-harap dia akan lalu di hadapan kelas sambil mengerling mencari saya. Saya tidak tahu apa itu cinta (monyet) sehinggalah emak tersedar betapa kompleks dan ruwetnya rutin saya bersiap ke sekolah setiap pagi. Saya mesti berbedak wangi, mesti membega rambut (fesyen jambul topi keledar!) sambil berusaha kuat memastikan reben biru putih yang disemat pada sisiran rambut, tidak senget. Harus 100 peratus simetri. Uniform sekolah pula wajib licin berseterika, keras berkanji (kalau sempat).

Setahun lamanya gosip-gosip tolol dan kisah *crush* tersebar di sekolah. Saya akhirnya mengucapkan selamat tinggal kepada cinta pertama kerana harus ke sekolah menengah. Berakhirlah satu kisah cinta monyet yang tidak berapa tragik.



Di sekolah menengah, saya bertemu pula dengan mantan anak didik emak, budak lelaki yang amat pendiam lagi pemalu. Dalam pada rupanya yang kulup lagi kudup dengan rambut leper berminyak-minyak itu, dia berani dan ada hati menawar cinta, mengutusi saya bunga mawar, arca-arca kristal comel serta kad romantika. Lima tahun berlalu, saya kenyang dengan hadiah-hadiahnya setiap tahun. Dalam asyik syok bercinta monyet, saya akhirnya terkejut monyet apabila dia mengutuskan sebetuk cincin emas belah rotan yang cantik!





Waktu berputar. Seperti remaja-remaja lain dan kamu semua, saya jatuh cinta dan jatuh syok sana sini dengan beberapa lelaki — dengan budak lelaki comel jiran taman perumahan sebelah yang *macho* sungguh apabila bermain badminton, dengan kawan sepengajian di MRSM, dengan senior sekursus di Jabatan Seni Bina, dengan kawan penulisan sastera, ohhh... pernah juga jatuh cinta dengan budak pembancuh kopi di kafe kampus!

Benar, kita jatuh cinta kepada lebih daripada seorang lelaki kerana keunikan dan sifat mereka yang berbeza-beza; setuju? Tetapi cinta yang terbersit pada kemudian hari, kepada sesetengah daripada kita — adalah takdir Tuhan untuk putaran hidup lebih baik. Seperti si kudung yang diberikan tangannya semula, seperti si lumpuh yang didatangkan sepasang kaki untuk berlari, seperti si buta yang dikembalikan semula mata hati.



Saya pernah kecewa kerana tidak punya keberanian untuk mengungkap. Namun saya akhirnya ditemukan lelaki tak tersangka. Dia yang sepantas kilat menjadi mata nurani baharu untuk melihat dunia yang berpencar pelangi. Dia yang menyelusup seperti penjinak ribut. Yang selalu membawa cahaya kala murung kala segalanya kelabu *deep blue*.

Si dia yang kudup dengan rambut berminyak-minyak itu pula (dia sudah rapi, segar dan sasa apabila kami bertemu beberapa tahun dahulu); akhirnya berjodoh dengan wanita lain.


Kesempatan memahami cinta daripada lelaki-lelaki berbeza membuat saya selalu percaya, cinta itu harus dilafazkan; terang, jelas, tidak berlapik-lapik atau berteka-teki. Cukuplah walau sekali seumur hidup.





Ya, cinta itu berbahagi-bahagi apabila kepentingan diri sendiri diketepikan. Cinta itu mulia apabila pengorbanan tidak pernah dicatatkan. Cinta itu sederas tenaga kuda apabila kepenatan disembunyikan. Cinta itu komitmen tanpa cagaran apabila tidak pernah dibilkan untuk menuntut bayaran atau balasan.

Dan percayalah, kamu tidak akan sedar sedalam mana dan sekukuh mana cinta kamu terhadap pasangan; sehingga kamu dan dia diuji, dan kamu berdua menerima ujian tersebut dengan tenang — tidak sekali-kali menyesal, tidak bersangka-sangka, tidak saling mengungkit atau menyalahkan. EditorKini.com



**CINTA ITU  
KOMITMEN TANPA  
CAGARAN APABILA  
TIDAK PERNAH  
DIBILKAN UNTUK  
MENUNTUT  
BAYARAN ATAU  
BALASAN.**